UMK.BC/B02.00/100-6/1JLD.2(   )

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.28/2019

## PENETAPAN CUTI PERISTIWA KERANA KEMANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA SULTAN ISMAIL PETRA IBNI ALMARHUM SULTAN YAHYA PETRA

1. Dengan penuh dukacita dimaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra telah mangkat pada jam 8.11 pagi hari Sabtu bertarikh 28 September 2019 di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan.

2. Sehubungan dengan itu, pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai penetapan Kerajaan Negeri Kelantan bahawa pada 29 dan 30 September 2019, hari Ahad dan Isnin sebagai Cuti Peristiwa atas perkabungan kerana kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.

3. Seluruh warga Universiti Malaysia Kelantan dipohon untuk mengambil maklum perkara ini dan kepada staf yang beragama Islam dipohon supaya menghadiahkan bacaan Al-Fatihah kepada roh Almarhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra dan mendoakan semoga roh baginda dicucuri rahmat serta ditempatkan bersama-sama para solihin.

Semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dimohon mengambil maklum berhubung perkara ini.

Sekian, terima kasih.

***"RAJA BERDAULAT, RAKYAT SEPAKAT, NEGERI BERKAT"***

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**MAZULA BINTI SABUDIN**
Pendaftar

28 SEPTEMBER 2019

s.k - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
- Fail Edaran